

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
[ KIMANIS ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [ KIMANIS ] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-**

- a) apakah usaha Kementerian khususnya Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dalam mempertingkatkan tahap (connectivity) dan kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di Sabah supaya setanding maju dengan negeri-negeri di Semenanjung. Khususnya langkah proaktif dalam masa terdekat untuk mengatasi kelomongan rangkaian (Network gap) di pedalaman Sabah; dan
- b) adakah inisiatif seperti program kesedaran penggunaan internet masih giat dijalankan khususnya dalam talian yang mensasarkan para pengguna media sosial bagi menangani penularan berita tidak sahih yang memberi impak buruk dan persepsi negatif kepada Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar termasuk di Sabah.

Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteria pada 29 Ogos 2020 lalu, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.

Sasaran fasa pertama yang kini telah bermula dan akan berakhir pada tahun 2022 ialah :

- a. penambahan premis yang akan mendapat akses jalur lebar tetap berkelajuan gigabit daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis;
- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. peningkatan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Untuk itu, sebanyak 190,115 premis di negeri Sabah akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan gigabit melalui peluasan rangkaian gentian optik. Bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula, sejumlah 425 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kaedah terbaik dalam memerangi maklumat berita palsu adalah dengan 'membanjiri' ruang maklumat dengan berita benar. Sehubungan itu, pihak Kementerian akan meneruskan inisiatif kesedaran serta pengupayaan dan pendidikan pengguna atau "*user empowerment and education*" melalui pelbagai program advokasi dan kesedaran di media dan di lapangan. Usaha-usaha ini merupakan kesinambungan kepada inisiatif sedia ada dalam usaha memupuk kesedaran awam mengenai gejala perkongsian dan penyebaran berita palsu, membudayakan amalan menyemak dan menentukan kesahihan sesuatu berita daripada sumber yang rasmi atau boleh dipercayai sebelum dikongsi atau disebarluaskan, serta membudayakan amalan menyebarkan kebenaran.

Pihak Kementerian atau pihak berautoriti pada ketika ini memainkan peranan aktif dalam mengesan dan memantau penularan berita/maklumat yang tidak benar yang timbul atau tular melibatkan perkara-perkara yang berada di dalam ruang lingkup pengawalseliaan serta bidang kuasa mereka, seterusnya mengeluarkan kenyataan menafikan sebarang berita palsu atau menjelaskan sebarang berita yang tidak tepat dan mengelirukan melibatkan isu atau perkara yang berada di dalam skop peranan, bidang tugas atau kepakaran khusus mereka. Kenyataan-kenyataan penafian atau penjelasan yang dibuat akan disebarluaskan oleh Pasukan Respons Pantas (PRP) KKMM serta diterbitkan dalam portal [Sebenarnya.my](http://Sebenarnya.my) sebagai repositori kepada berita-berita yang telah ditentusahkan dan untuk menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular.

**Portal Sebenarnya.my** telah menerima **203** juta layaran semenjak dilancarkan pada Mac 2017 sehingga 30 September 2020. Portal ini juga telah menerima **11,150** penyaluran maklumat daripada orang awam (maklumat mengenai berita yang tidak ditentusahkan kesahihannya,

dengan purata **264** saluran maklumat setiap bulan. Peningkatan yang mendadak telah berlaku terhadap “hits” dan penyaluran maklumat adalah akibat daripada penularan berita-berita yang diragui kesahihannya berkenaan wabak Covid-19 yang sedang melanda.

Selain daripada Portal Sebenarnya.my, Kementerian juga telah menjalankan **Kempen “Kebebasan Bersuara bukan Kebebasan Berbohong”** serta penubuhan **Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC** sebagai salah satu inisiatif untuk memupuk kesedaran serta mendidik masyarakat Malaysia agar tidak mudah terjebak menjadi mangsa virus berita palsu secara proaktif melalui penglibatan pihak media seperti stesen-stesen televisyen; merangkumi awam dan swasta, media cetak serta media dalam talian.